

04 MAY 1998

PM SAKSI TANDA TANGAN ANTARA AIG DAN SOFTWARE INTERNATIONAL CORP

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyaksikan upacara menandatangani antara syarikat gergasi insurans Amerika, American International Group Inc (AIG) dan sebuah syarikat tempatan untuk projek usaha sama di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Upacara itu, dengan Software International Corporation (M) Sdn Bhd (SI) Malaysia, menandakan pembabitan pertama sebuah institusi kewangan antarabangsa di dalam MSC .

Syarikat usaha sama itu akan menawarkan perkhidmatan termasuk penyenggaraan dan pembangunan perisian aplikasi, pengurusan teknikal projek, pengambilan kakitangan teknikal, penyelidikan dan pembangunan di dalam teknologi-teknologi maklumat akan muncul dan perkhidmatan pusat data.

Ia akan menubuhkan sebuah pusat kecemerlangan bagi pembangunan perisian yang dianggotai oleh para profesional teknologi maklumat berkaliber tinggi.

AIG telah memberi kesanggupan untuk menggunakan usaha sama itu sebagai pembekal diutamakan bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu.

Usaha saham itu juga akan menawarkan perkhidmatan itu kepada pertubuhan-pertubuhan luar termasuk pelanggan-pelanggan korporat. SI kini memperolehi taraf syarikat MSC di negara ini.

MSC adalah sebuah zon 750 km persegi terletak di selatan Kuala Lumpur dan ditetapkan sebagai pusat bagi pembangunan produk-produk dan perkhidmatan multimedia di negara ini.

Yang menanda tangani bagi pihak AIG ialah pengerusinya M.R. Greenberg manakala SI diwakili oleh pengerusinya Datuk Alex Lee.

Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, John Mallott turut menyaksikan upacara itu. -- BERNAMA

AD SA OS